



16 SEP, 2019

Pelabur asing jadi pembeli bersih

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Pelabur asing jadi pembeli bersih



Minggu lalu Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) hanya berlegar di kawasan antara 1,580-1,620, selepas memulakan aliran menurun sejak awal Julai. Indeks dibuka -13.65 mata lebih rendah pada hari Selasa, berbanding paras penutup pada Jumaat.

Isnin adalah cuti umum. Indeks mencecah paras tertinggi 1,608.39 dan paras terendah 1,589.78 sebelum ditutup pada paras 1,601.25, rugi -3.22 mata untuk minggu lalu.

Walaupun jumlah dagangan lebih tinggi daripada minggu sebelumnya, ia masih rendah pada paras 8.516 billion saham dan nilai dagangan juga meningkat sedikit kepada RM6.948 billion berbanding minggu sebelumnya.

Pelabur asing menjadi pembeli bersih untuk kali pertama selepas menjual bersih selama lapan minggu berturut-turut.

Kaunter-kaunter yang mencecah 52 minggu tertinggi; GREEN PACKET BHD RM0.68; KEJURUTERAAN ASASTERA BHD RM0.35; PINTARAS JAYA BHD RM3.4; CARIMIN PETROLEUM BHD RM1.06; PENTAMASTER CORP BHD RM3.97; FOUNDPAC GROUP BHD RM0.39; MAGNUM BHD RM2.89; PRG HOLDINGS BHD RM0.88; OCK GROUP BHD RM0.65; MAGNI-TECH INDUSTRIES BHD RM5.92; GREATECH TECHNOLOGY BHD RM1.49; MTOUCHE TECHNOLOGY BHD RM0.105.

Untuk pergerakan harian, pasaran dibuka rendah pada hari Selasa dan FBM KLCI ditutup 8.62 mata lebih rendah kepada

1,595.85. Pasaran Saham di Asia ditutup bercampur-campur pada hari itu kerana data yang baharu di keluarkan menunjukkan harga pengeluaran China pada bulan Ogos jatuh dan penguncupan tahun ke tahun yang paling buruk dalam tempoh tiga tahun.

Jumlah dagangan meningkat kepada 2.191 billion dan nilai pasaran meningkat kepada RM1.925 billion. Indeks Bursa ditutup bercampur-campur.

Kaunter rugi melebihi kaunter untung dengan 458 berbanding 345.

Antara kaunter mencatat untung, ialah GREATEC (RM1.45, +RM0.07), HARTA (RM5.31, +RM0.15), MASTER (RM1.42, +RM0.08), MBMR (RM4.39, +RM0.24), KHEESAN (RM0.305, +RM0.06), HIBISCS (RM0.975, +RM0.05), INARI (RM1.73, +RM0.05) DAYANG (RM1.52, +RM0.04), UWC (RM1.61, +RM0.05), PRG (RM0.79, +RM0.06), SENDAI (RM0.435, +RM0.04), dan ARMADA (RM0.285, +RM0.03).

Kaunter mencatat kerugian termasuk AXIATA (RM4.11, -RM0.77), DIGI (RM4.60, -RM0.29), TM (RM3.39, -RM0.08), PESTECH (RM1.26, -RM0.03), dan MSM (RM1.12, -RM0.01).

Pada hari Rabu, FBM KLCI ditutup 6.45 mata lebih tinggi kepada 1,602.30. Pasaran Saham di Asia ditutup bercampur-campur apabila pelabur menunggu keputusan mengenai kadar faedah bank pusat Eropah yang akan di keluarkan.

Jumlah dagangan meningkat kepada 2.327 billion dan nilai pasaran menurun kepada RM1.780 billion. Indeks Bursa ditutup kebanyakannya tinggi kecuali REIT.

Sedikit 424 kaunter mencatatkan keuntungan dan 359 kaunter mencatatkan kerugian. Antara Kaunter untung termasuk SUPERMX (RM1.59, +RM0.07), AXIATA (RM4.20, +RM0.09), TM (RM3.49, +RM0.10), PCHEM (RM7.23, +RM0.23), SCOMNET (RM0.86, +RM0.075), GAMUDA (RM3.62, +RM0.12), SUCCESS (RM0.98, +RM0.09), DELEUM (RM1.00, +RM0.175), OCK

(RM0.65, +RM0.04), DAYANG (RM1.57, +RM0.05), FRONTKN (RM1.68, +RM0.04), HTPADU (RM1.22, +RM0.05), MAYBULK (RM0.70, +RM0.06), DRBHCOR (RM2.49, +RM0.05), GKENT (RM1.08, +RM0.055), dan PRG (RM0.845, +RM0.055).

Kaunter rugi termasuk DUFU (RM2.40, -RM0.08), CARLSBG (RM25.30, -RM0.42), UNIMECH (RM1.24, -RM0.06), GREATEC (RM1.41, -RM0.04), dan SUNREIT (RM1.91, -RM0.04).

Pada hari Khamis, FBM KLCI ditutup rendah pada 1,601.00, turun -1.3 mata. Pasaran saham Asia kebanyakannya ditutup positif dalam dagangan awal hari itu apabila ketegangan perang perdagangan mengendur selepas Presiden Donald Trump mengumumkan akan memberi tempoh lagi dua minggu sebelum melaksanakan kenaikan tarif untuk AS\$250 billion barangan China.

Jumlah dagangan meningkat kepada 1.894 billion dan nilai pasaran meningkat kepada RM1.742 billion.

Indeks Bursa ditutup kebanyakannya lebih tinggi, dengan produk industri menentuai kenaikan.

429 kaunter mencatat keuntungan dan 362 kaunter mencatat kerugian. Kaunter untung termasuk PCHEM (RM7.51, +RM0.28), AIRPORT (RM8.64, +RM0.09), PENTA (RM3.86, +RM0.18), BAT (RM19.80, +RM1.00), DIGI (RM4.71, +RM0.11), ELISOFT (RM0.905, +RM0.05), UZMA (RM0.835, +RM0.04), HOHUP (RM0.545, +RM0.035).

Kaunter rugi termasuk PETDAG (RM23.10, -RM0.78) dan MBMR (RM4.27, -RM0.12).

Jawatankuasa dasar monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) pada mesyuaratnya hari itu memutuskan untuk mengekalkan kadar dasar semalaman (OPR) pada kadar 3 peratus (%).

BNM berkata pendirian dasar monetari Malaysia, di peringkat semasa OPR, kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi dan jawatankuasa itu akan terus menilai keseimbangan risiko kepada pertumbuhan domestik dan inflasi, untuk memastikan pendirian dasar kewangan tetap kondusif pertumbuhan mapan di tengah-tengah kestabilan harga.

Untuk Malaysia, prestasi pertumbuhan ekonomi yang lebih

kukuh pada kedua suku tahun 2019 disokong oleh daya tahan perbelanjaan swasta dan pengembangan dalam sektor ekonomi utama.

Pada hari Jumaat, FBM KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,601.25, naik 0.25 mata. Pasaran Saham di Asia meningkat pada hari itu apabila pelabur mengikuti beberapa perkembangan mengenai perang perdagangan AS-China.

Jumlah dagangan meningkat kepada 2.104 billion dan nilai pasaran menurun kepada RM1.502 billion.

Indeks Bursa ditutup kebanyakannya tinggi kecuali produk industri dan penjagaan kesihatan.

Kaunter untung, termasuk CARIMIN (RM1.06, +RM0.09), GREATEC (RM1.49, +RM0.08), RM3.63, +RM0.15), POS (RM1.75, +RM0.09), PENTA (RM3.97, +RM0.11), PENERGI (RM1.04, +RM0.09), SCGM (RM0.99, +RM0.105), AMBANK (RM4.17, +RM0.12), BAT (RM21.50, +RM1.70).

Kaunter rugi termasuk PCHEM (RM7.41, -RM0.10), AIRPORT (RM8.51, -RM0.13) dan HEALTH (RM2.00, -RM0.05).

Pergerakan FBM KLCI





16 SEP, 2019

Pelabur asing jadi pembeli bersih

Berita Harian, Malaysia

SUMMARIES

Minggu lalu Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) hanya berlegar di kawasan antara 1,580-1,620, selepas memulakan aliran menurun sejak awal Julai. Indeks dibuka -13.65 mata lebih rendah pada hari Selasa, berbanding paras penutup pada Jumaat.Isnin adalah cuti umum. Indeks mencecah paras tertinggi 1,608.39 dan paras terendah 1,589.78 sebelum ditutup pada paras 1,601.25, rugi -3.22 mata untuk minggu lalu.Walaupun jumlah dagangan lebih tinggi daripada minggu sebelumnya, ia masih rendah pada paras 8.